

24/07/2000

Pusat peranginan 1,000 meter di atas paras laut

Azli Ayob

SYURGA di muka bumi. Itulah gambaran yang diberikan Country Heights Holdings Bhd (CHHB) kepada pusat peranginan tanah tinggi, Borneo Highlands Resort yang dimajukannya di Banjaran Penrissen, Sarawak.

Terletak 70 kilometer dari Bandar Raya Kuching, pusat peranginan dengan kemudahan padang golf 18 lubang itu, menawarkan persekitaran segar dan hijau, dengan suhu tanah tinggi yang menyamankan.

Borneo Highlands Resort dengan keluasan 2,300 hektar terletak di paras 1,000 meter daripada aras laut, di tengah-tengah hutan hujan antara tertua di dunia.

Pembinaan pusat peranginan berkonsepkan pelancongan alam sekitar itu menelan kos RM500 juta.

Bagaimanapun, Pengarah Urusan CHHB, Tan Sri Lee Kim Yew, berkata kumpulan itu merancang pelaburan tambahan RM100 juta untuk membangunkan fasa dua projek itu yang membabitkan pembinaan hotel lima bintang, chalet serta kebun bunga.

Lee berkata, fasa kedua itu adalah tambahan kepada kemudahan sedia ada seperti sebuah rumah kelab dan padang golf, dikenali The Hornbill Golf & Jungle Club.

CHHB kini dalam peringkat penelitian mengenai struktur pembiayaan projek berkenaan.

"CHHB lebih cenderung mendapatkan pembiayaan menerusi kaedah terbitan ekuiti atau mengadakan usaha sama dengan lain-lain pihak," katanya selepas majlis perasmian Borneo Highlands Resort di Kuching, baru-baru ini.

Pusat peranginan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu majlis penuh warna-warni di atas tebing tanah tinggi yang menghijau.

Borneo Highlands Resort adalah projek usaha sama antara CHHB dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (Pelita), yang mana CHHB memegang 70 peratus ekuiti dan bakinya dimiliki Pelita.

Projek itu menawarkan 57 lot banglo berharga di antara RM60 dan RM100 bagi satu kaki persegi.

Untuk sampai ke puncak Borneo Highlands Resort, pengunjung terpaksa menggunakan kenderaan pacuan empat roda kerana jalan berliku dan curam. Perjalanan biasanya mengambil masa di antara 30 minit hingga 40 minit.

Bagi mengekalkan kehijauan dan keindahan tempat berkenaan pihak pengurusan hanya membenarkan 100 pengunjung melawat tempat berkenaan pada satu-satu masa dan hanya 80 orang dibenarkan bermalam.

(END)